

KEMAHIRAN KEBOLEHKERJAAN INDIVIDU MASALAH PENDENGARAN DAN IMPLIKASINYA TERHADAP PROGRAM PENDIDIKAN

(The employability skill among hearing impairment and The Implication Toward Educational Programs)

Madinah Mohd Yusof^a, Mohd Hanafi Mohd Yasin^b, Mahidin Awang Itam^c

^aInstitut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur, Malaysia.

^bUniversiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia.

^cInstitut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Teknik, Bandar Enstek, Malaysia.

E-mail : madinahmohdyusof@gmail.com

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkaitan kemahiran kebolehkeraan individu masalah pendengaran dan implikasi terhadap perancangan program pendidikan. Kajian ini merupakan kajian kes yang menggunakan kaedah temu bual sebagai data utama, di samping analisis dokumen dan pemerhatian sebagai data sokongan. Sampel kajian daripada 19 orang peserta yang melibatkan pentadbir sekolah, ketua bidang kemahiran, kaunselor, majikan, wakil NGO dan pegawai Jabatan Tenaga Kerja. Data kualitatif dianalisis menggunakan perisian Nvivo 7 bagi mendapatkan tema yang tekal dan konsisten untuk menjawab persoalan kajian. Dapatan menunjukkan individu masalah pendengaran mempunyai berkemahiran dalam kemahiran teknikal, kemahiran informasional, dan kemahiran interpersonal bersama komuniti bermasalah pendengaran. Mereka juga menunjukkan komitmen dan pencapaian yang tinggi dalam pekerjaan. Pihak majikan berpendapat komunikasi bukan halangan kepada individu masalah pendengaran untuk berjaya dalam pekerjaan. Manakala dari aspek kelemahan pula, individu masalah pendengaran di dapati mempunyai masalah dalam aspek kemahiran asas yang meliputi kemahiran membaca, menulis dan kemahiran berfikir. Mereka juga mempunyai masalah dalam keyakinan diri, masalah dalam pengekalan kerja, masalah dalam kemampuan sosial di samping mempunyai sedikit masalah disiplin. Oleh yang demikian, perancangan program pendidikan perlu berfokus kepada pembangunan diri individu masalah pendengaran.

Kata Kunci: Masalah pendengaran, kemahiran kebolehkeraan, program pendidikan

Abstract: This study aimed to obtain information on the individual skills of the employability of hearing problems and their implications for the educational programs to individuals with hearing disabilities. This study is a case study using the interview as the primary data, in addition to document analysis and observations as supporting data. A sample of 19 participants involving school administrators, head of skills department, counselors, employers, NGO representatives and officers of the Department of Labor. Qualitative data were analyzed using the software NVivo 7 to obtain a consistent theme to answer the research questions. The findings indicate individuals with hearing impairment are good performance in occupational skills such technical, informational skills, and interpersonal skills especially with deaf community. They also show the commitment and achievement of high employment. The employer believes communication is not an obstacle to individual hearing problems to succeed in the job. While in terms of weakness, the individual found to have a hearing problem in terms of basic skills such as reading, writing and thinking skills. They also have problems in self-confidence, problems in maintenance work, problems in social skills in addition to having fewer discipline problems. The design of education programs should focus on the development of self determination.

Keywords: Hearing Impairment, Employability Skill, Transition programme

PENDAHULUAN

Pendidikan adalah hak asasi semua manusia. Pendidikan adalah cara yang paling berkesan untuk mobiliti sosial, kehidupan berdikari dan juga menjamin kehidupan yang bahagia. Individu kurang upaya, khususnya individu pekak juga mempunyai minat, hasrat, dan cita-cita yang setanding dengan individu yang biasa. Oleh yang demikian, individu kurang upaya juga perlu diberi peluang pendidikan yang setanding dengan rakan mereka yang tipikal.

Anjakan paradigma dalam ekonomi negara sekarang memerlukan perubahan dalam pendidikan yang lebih menjurus kepada keperluan individu itu sendiri. Secara lebih spesifik, perkembangan yang ada


pada hari ini memerlukan kita meneroka peluang pendidikan yang berfokus kepada memberikan kemahiran kepada pelajar untuk melahirkan tenaga kerja mahir dan berketerampilan khususnya kepada individu masalah pendengaran.

Aspek Kemahiran kebolehkeraan

Kemahiran kebolehkeraan merupakan kebolehan bukan teknikal dan merupakan satu daripada aspek kemahiran pekerjaan yang sama pentingnya dengan aspek kemahiran teknikal. Pihak majikan dalam sektor industri berpendapat aspek kemahiran kebolehkeraan adalah penting dan perlu dimiliki oleh pekerja mereka bagi memastikan pekerja tersebut benar-

benar trampil dalam pekerjaannya (Mohd Sattar et al. 2009; Yahya et al. 2008). Blackmond (2008) menjelaskan keperluan minimum dalam persekitaran kerja hari ini iaitu: Kemahiran Asas, Kemahiran Berfikir, Pengurusan Sumber, Kemahiran Informasi, Kemahiran komunikasi, Kemahiran sistem, Kemahiran Teknologi Maklumat, Kualiti Personal, Kemahiran Interpersonal.

Kemahiran keboleherjaan merupakan kemahiran generik yang diperlukan untuk berjaya dalam pasaran kerja bagi semua tahap pekerjaan bagi semua sektor. Manakala menurut 'Secretary's Commission on Achieving Necessary Skill' (SCANS 1991) pula, tiga kemahiran penting yang diperlukan oleh majikan adalah (1) kemahiran generik, (2) kualiti personal dan (3) kompetensi bekerja. Hasil kajian SCANS (1991) telah mengenal pasti tujuh kompetensi utama dan 40 item kemahiran 'keboleherjaan' yang diperlukan dalam peringkat kemasukan awal pekerjaan iaitu (1) kemahiran asas, (2) kemahiran berfikir, (3) kemahiran sumber, (4) kemahiran informasional, (5) kemahiran interpersonal, (6) kemahiran sistem dan teknologi dan (7) kualiti personel (Mohd Sattar 2009). Model ini terdiri daripada tiga bahagian asas kemahiran dan kualiti personel serta lima kemahiran kompetensi tempat kerja (Collura 2010). Model ini ditunjukkan seperti dalam rajah 1 di bawah.



Rajah 1: Model Kemahiran 'Employability' oleh SCANS (1991)

Dapatan kajian lepas membuktikan aktiviti pembangunan kerjaya dan pengalaman vokasional merupakan situasi yang kritikal kepada pelajar berkeperluan khas termasuk pelajar masalah pendengaran (Luft 2012; Mueller et al. 2012; Rusch et al. 2009; Safani et al. 2000). Walaupun golongan masalah pendengaran ini menunjukkan kompetensi yang tinggi sebagai tenaga kerja mahir dan separa mahir selepas mengikuti kursus, laporan National Longitudinal Transition Study dalam Blackkorby dan Wagner (1996) mendapati 37 % golongan masalah pendengaran hanya mendapat pekerjaan selepas dua tahun tamat program transisi, 44 % mendapat pekerjaan selepas tiga hingga lima tahun tamat program, manakala 66 % tidak

mendapat pekerjaan, berbanding dengan 69 % pelajar tipikal yang mendapat pekerjaan selepas tiga hingga lima tahun tamat sekolah.

Manakala di pihak pekerja pula dapatan menunjukkan kecenderungan OKU untuk tidak bekerja di sebabkan sikap sendiri seperti kurang keyakinan (Lee et al. 2011; Madinah et al. 2012; Mohd Hanafi et al. 2012) seperti malu, berasa rendah diri jika bekerja berseorangan, tidak suka cabaran baru, kurang mahir dalam bidang diceburi (Lee et al. 2011; Sarimah et al. 2012) khususnya melibatkan pencapaian akademik (Lee et al. 2011; Mohd Hanafi et al. 2012), serta masalah kemahiran keboleherjaan dan masalah komunikasi (Madinah et al. 2012; Mohd Hanafi et al. 2012; Mohd Salehuddin et al. 2010) seperti masalah dalam kemahiran interpersonal, pemikiran kritikal dan penyelesaian masalah (Ramlee & Ramziah 2002), sukar meneroka cabaran baru (Loo 2004; Sarimah et al. 2012), sering mengikut rakan untuk bekerja di tempat yang sama (Cynthia 2008; Hairunnaja 2003; Madinah et al. 2012; Mohd Hanafi et al. 2012; Sarimah et al. 2012).

Oleh yang demikian kajian ini bertujuan untuk mengupas persoalan berikut:

- i. Bagaimanakah kemahiran keboleherjaan individu masalah pendengaran?
- ii. Apakah implikasi kemahiran keboleherjaan tersebut terhadap program pendidikan?

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini meneroka pengalaman pihak sekolah dan pihak yang terlibat dengan individu masalah pendengaran berkaitan kemahiran keboleherjaan individu bermasalah pendengaran. Sampel kajian terdiri daripada 19 orang iaitu sembilan orang pendidik yang terdiri daripada pentadbir, ketua bidang vokasional dan kaunselor sekolah daripada tiga buah sekolah yang menawarkan program vokasional kepada pelajar bermasalah pendengaran, lima orang majikan, dua orang pihak NGO dan seorang pegawai Jabatan tenaga kerja. Sumber data utama kajian ini diperoleh daripada kaedah temu bual di samping data daripada analisis dokumen Penggunaan pelbagai sumber dan kaedah serta pelbagai lapangan merupakan satu strategi triangulasi untuk meningkatkan kesahan dan kebolehppercayaan data kajian (Merriam, 2001; Wiersma, 2000). Dapatan kajian dianalisis menggunakan perisian Nvivo 7 untuk mendapatkan tema yang tetap dan konsisten. Persembahan data bagi menjawab persoalan satu melibatkan persepsi peserta kajian dari aspek kekuatan dan kelemahan bagi sesuatu kemahiran. Oleh yang demikian, jadual metrik yang memaparkan sumber data melibatkan dua bentuk iaitu (√) merujuk kepada pernyataan bersifat positif atau kekuatan dan (x) merujuk kepada pernyataan yang bersifat negatif atau kelemahan.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Seramai 19 orang terlibat yang terdiri daripada 10 orang peserta daripada pihak sekolah iaitu empat

orang pentadbir, tiga orang ketua bidang kemahiran dan empat orang kaunselor. Manakala pihak luar sekolah melibatkan enam orang majikan, dua orang daripada NGO dan seorang pegawai Jabatan Tenaga Kerja (JTK). Maklumat peserta kajian dilabelkan dari SK1

hingga SK19, kemudian diikuti oleh peranan sama ada G1 (pentadbir), G2 (Ketua bidang vokasional), G3 (Kaunselor), Majikan dari M1 hingga M6, NGO dan JTK. Maklumat lanjut berkaitan peserta kajian dipaparkan dalam jadual 1 berikut;

Jadual 1: Informasi demografi peserta kajian

Maklumat subjek kajian	Jantina	Jawatan	Sektor/ Tempat Bertugas	Pengalaman bersama pelajar masalah pendengaran (tahun)
SK1G2S1	Lelaki	Ketua Bidang Vokasional	Sekolah 1	29
SK2G3S1	Perempuan	Kaunselor	Sekolah 1	2
SK3G1S1	Perempuan	Pentadbir	Sekolah 1	23
SK4G2S3	Perempuan	Ketua Bidang Teknik	Sekolah 3	7
SK5G3S3	Perempuan	Kaunselor	Sekolah 3	9
SK6G1S3	Perempuan	Pentadbir	Sekolah 3	7
SK7G1S4	Lelaki	Pentadbir	Sekolah 4	7
SK8G3S4	Lelaki	Kaunselor	Sekolah 4	7
SK9G2S4	Lelaki	Ketua Bidang Kemahiran	Sekolah 4	7
SK10G1S8	Perempuan	Pentadbir	Sekolah 8	23
SK11M1SA	Perempuan	Pegawai Eksekutif	Majikan	3
SK12M2SS	Perempuan	Eksekutif Sumber Manusia	Majikan	6
SK13M3SS	Perempuan	Eksekutif Sumber Manusia	Majikan	19
SK14M4SS	Lelaki	Pengurus	Majikan	1
SK15M5SA	Perempuan	Ketua Sektor	Majikan	20
SK16M6SS	Perempuan	Eksekutif Sumber Manusia	Majikan	11
SK17NGO1	Perempuan	Job Coach	NGO	3
SK18NGO2	Lelaki	Pengarah Eksekutif	NGO	46
SK19JTKSA	perempuan	Penolong Pengarah	JTK	7

i. Bagaimanakah kemahiran keboleherjaan individu masalah pendengaran?

Perbincangan dapatan ini adalah berasaskan tiga aspek utama dalam kemahiran keboleherjaan iaitu kemahiran generik, kualiti personal dan kompetensi bekerja. Bagi aspek kemahiran generik yang terdiri daripada kemahiran asas, dapatan menunjukkan rata-rata pelajar masalah pendengaran lemah dalam menginterpretasikan idea disebabkan kelemahan dalam aspek penulisan dan majikan terpaksa belajar memahami penulisan pekerja masalah pendengaran. Manakala dari aspek kemahiran komunikasi dapatan menunjukkan terdapat dua perspektif yang berbeza antara peserta dari sekolah dengan peserta di luar sekolah. Pihak guru lebih memandang masalah komunikasi menjadi halangan kepada pelajar masalah pendengaran dalam pekerjaan, Berbanding dengan pendapat pihak luar sekolah seperti majikan yang menganggap komunikasi bukanlah kelemahan utama golongan masalah pendengaran. Mereka berpendapat komunikasi boleh berlaku dengan pelbagai cara. Pihak majikan berpendapat kesediaan mereka menerima pekerja masalah pendengaran setelah mempertimbangkan 'nature' pekerja masalah pendengaran dan komunikasi adalah lahir bersama pekerja masalah pendengaran dan ini tidak boleh dijadikan halangan kepada penglibatan mereka di sektor pekerjaan..

Dapatan ini selaras dengan dapatan ramai pengkaji antaranya Dotter et al. (2006), Mohd Sallehudin (2010), Houston et al. (2010), Tuan Rosnimawati dan Sern (2012). Pengkaji-pengkaji ini

bersetuju bahawa kesukaran dalam komunikasi di tempat kerja merupakan cabaran utama yang dialami oleh individu masalah pendengaran terutamanya yang melibatkan hubungan antara pekerja dengan penyelia. Masalah kepada kemahiran komunikasi ini turut memberikan kesan terhadap pekerjaan yang dianggap sesuai untuk golongan masalah pendengaran (DeCaro et al. 2001; Weisel & Cinamon 2005), manakala laporan oleh The Canadian Hearing Society (2002), menyatakan bahawa halangan komunikasi di tempat kerja adalah disebabkan oleh kekurangan akses kepada perkhidmatan jurubahasa dan teknologi komunikasi dan faktor ini menghalang pekerja masalah pendengaran menjalani integrasi secara aktif dalam dunia pekerjaan.

Dari aspek kualiti personal menunjukkan bahawa, individu masalah pendengaran mempunyai masalah dalam aspek percaya diri yang menjelaskan bahawa individu masalah pendengaran ini mempunyai keyakinan dan kekuatan dalaman yang rendah terhadap diri sendiri dan faktor ini dipersetujui oleh peserta kajian daripada kalangan pihak dalam sekolah dan pihak di luar sekolah. Individu masalah pendengaran mempunyai masalah dalam keyakinan diri khususnya apabila bekerja bersama pekerja tipikal. Dapatan kajian ini menyokong dapatan kajian oleh Sarimah et al. (2012) yang mendapati OKU (pendengaran) sukar mendapat pekerjaan kerana kekangan sikap mereka sendiri yang berasa rendah diri jika bekerja berseorangan, tidak suka cabaran baru (Loo 2004) mudah putus asa, tidak berminat terhadap pekerjaan berasaskan kemahiran, malu untuk mencari pekerjaan (Johnson & Fendrich 2002) dan tidak suka menerokai bidang baru. Dapatan menunjukkan bahawa terdapat

enam pernyataan yang memperkatan tentang kemampuan sosial individu bermasalah pendengaran. Mereka berpendapat pekerja masalah pendengaran selalu gagal mengawal emosi dan menggunakan fizikal apabila mempunyai masalah. Walaupun bukan semua pekerja masalah pendengaran yang terlibat tetapi ia mengundang satu persepsi yang negatif dalam kalangan masyarakat tipikal. Dapatan kajian ini menyokong kajian oleh Hallam et al. (2006) yang mendapati kadar kelaziman klinikal terhadap tahap mod dan tekanan dalam kalangan individu masalah pendengaran menjadi lebih 4.hingga 8 kali ganda lebih tinggi daripada individu tipikal. Dapatan juga menunjukkan bahawa individu masalah pendengaran menunjukkan komitmen yang tinggi dan bersikap kurang membantah terhadap tugas yang diberikan kecuali terdapat beberapa kes yang menunjukkan masalah dari aspek sifat tanggung jawab dan tidak merasa bersalah atas kesalahan yang dilakukan. Dapatan menunjukkan pekerja masalah pendengaran dilihat bersungguh-sungguh membimbing rakannya, rajin, aktif, tidak bermasalah di tempat kerja, kerja rutin yang sangat bagus, lurus dan tidak membantah.

Dalam aspek kompetensi bekerja pula, dapatan menunjukkan bahawa aspek kemahiran interpersonal individu masalah pendengaran berkisar dalam persekitaran setempat sama ada di tempat kerja atau di persekitaran sekolah. Terdapat perbezaan yang ketara apabila mengintegrasikan golongan masalah pendengaran dengan golongan tipikal dan golongan masalah pendengaran bersama komuniti bermasalah pendengaran. Ini kerana dapatan menunjukkan walaupun golongan masalah pendengaran ini dilihat biasa dengan masyarakat tipikal tetapi mereka menunjukkan tahap penghormatan yang rendah terhadap individu tipikal dan menunjukkan sikap bosan sekiranya melakukan aktiviti bersama pelajar tipikal, manakala apabila diintegrasikan bersama golongan masalah pendengaran juga mereka dilihat bersemangat dan sangat aktif ini. Mereka menunjukkan satu persefahaman dan kemesraan yang erat, hidup secara berkelompok dan sanggup melepaskan pekerjaan agar tidak terpisah dengan kelompoknya dan ini mungkin disebabkan masalah komunikasi yang dialami (Crowe 2003).

Bagaimanapun secara keseluruhannya dapatan menunjukkan semua peserta bersetuju bahawa golongan masalah pendengaran mempunyai kemahiran teknikal yang membolehkan mereka mempunyai kemahiran yang tinggi dalam bidang pengajian mereka sendiri seperti grafik, persolekan, elektronik dan lain-lain. Kebolehan mereka setanding dengan pelajar tipikal. Ini kerana hasil temu bual menunjukkan bahawa hampir ke semua peserta kajian bersetuju bahawa pelajar dan pekerja masalah pendengaran merupakan individu yang berkemahiran walaupun terdapat kelemahan dalam penampilan tersebut. Kelebihan pekerja masalah pendengaran yang dapat dikenal pasti adalah kemahiran yang tinggi dalam menggunakan teknologi seperti

analisis sistem, percetakan dan peralatan teknikal. Dapatan ini menyokong kajian oleh Halton Social Planning Council (2002) yang meninjau pendapat majikan dan pekerja masalah pendengaran terhadap keperluan pekerjaan dalam kalangan komuniti bermasalah pendengaran. Berdasarkan temu bual dengan majikan, dapatan menunjukkan majikan bersetuju bahawa pekerja masalah pendengaran menunjukkan prestasi kemahiran yang baik dan sikap positif. Terdapat juga agensi penempatan pekerjaan yang memberi peluang kepada masalah pendengaran untuk membuktikan keupayaan diri mereka untuk kekal dalam pekerjaan dan mendapatkan pekerjaan yang tetap. Berbeza pula dengan dapatan oleh Marsden (2003) mendapati kebanyakan peserta kajian yang ditemu bual mengaitkan pengalaman dan diskriminasi majikan.

Dapatan persoalan ini dapat dirumuskan seperti rajah 2 di bawah yang menunjukkan taburan jawapan peserta kajian berkaitan kemahiran keboleherjaan individu masalah pendengaran. Garisan melintang yang ditandai sebagai paksi X merupakan peserta kajian yang terdiri daripada SK1 sehingga SK19. Peserta SK1 hingga SK 10 merupakan pihak sekolah, manakala SK11 hingga SK16 adalah majikan, SK17 dan SK 18 pula merupakan wakil NGO dan SK19 adalah pegawai JTK. Paksi Y pula mewakili tema kemahiran keboleherjaan mengikut persepsi peserta kajian, bahagian atas paksi X menunjukkan kekuatan kemahiran, manakala bahagian bawah paksi X mewakili aspek kelemahan individu masalah pendengaran. Kemahiran keboleherjaan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu kemahiran asas yang terdiri daripada kemahiran membaca (BC), kemahiran menulis (TL), kemahiran komunikasi (KO), dan kemahiran berfikir (KB). Bahagian kedua adalah kualiti personal yang terdiri daripada kemahiran sumber (SU), kemampuan sosial (KS), keyakinan diri (KD), komitmen (KOM), disiplin (DIS) dan pengekaln kerja (PK). Manakala bahagian ketiga pula merupakan aspek kemahiran pekerjaan yang terdiri daripada kemahiran interpersonal dengan komuniti tipikal (KT), komuniti pekak (KP), kemahiran informasional (KI) dan kemahiran teknikal (TEK). Maklumat dapatan kajian bagi persoalan lima ini diringkaskan dalam rajah 2.

ii. Apakah implikasi kemahiran keboleherjaan tersebut terhadap program pendidikan?

Kemahiran keboleherjaan merupakan kemahiran generik yang diperlukan untuk berjaya dalam pasaran kerja bagi semua tahap pekerjaan bagi semua sektor. Manakala menurut 'Secretary's Commission on Achieving Necessary Skill' (SCANS 1991). Hasil dapatan memperlihatkan kemahiran keboleherjaan individu masalah pendengaran yang memberi implikasi dalam pelaksanaan program pendidikan. Kelemahan yang dapat kenal pasti adalah dalam aspek kualiti personel khususnya bagi aspek kemampuan sosial, percaya kepada kemampuan diri dan keyakinan diri,

kemahiran asas dan kemahiran berfikir. Manakala kekuatan individu masalah pendengaran adalah dalam aspek kemahiran teknikal dan aspek lain yang melibatkan tanggung jawab dan komitmen. Implikasi dapatan kajian ini dapat membantu menentukan aspek paling penting, sangat penting dan penting dalam merencanakan program pendidikan kepada pelajar masalah pendengaran.

Dapatan ini memperlihatkan bagaimana pelbagai faktor dilihat mempengaruhi pelaksanaan program pendidikan di sekolah. Ini kerana pelaksanaan program pendidikan bukan sahaja bercorak program vokasional tetapi program yang mencorakkan bagaimana ilmu vokasional itu dapat digunakan. Pelajar masalah pendengaran dilihat mempunyai kemahiran yang tinggi dalam kemahiran teknikal, tetapi kurang mahir meletakkan diri sebagai pekerja dan merasa terasing dalam komuniti sendiri (Leigh, et al. 1989; Hindley & Kitson 2000). Oleh yang demikian, dalam merangka pelaksanaan program pendidikan implikasi kemahiran keboleherjaan tersebut perlu di ambil kira. Unsur paling penting adalah aspek kualiti personal yang melibatkan aspek keyakinan diri, percaya kepada kemampuan diri dan kemampuan sosial, di mana individu masalah pendengaran cenderung mempamerkan emosi yang kurang stabil. Mereka juga perlu ditekankan tentang kemahiran mengawal emosi dan menguruskan perasaan. Di samping itu, perlu memahami semangat instrinsik dalam diri dan kemampuan mengadaptasi persekitaran khususnya dalam budaya kerja bersama masyarakat tipikal. Manakala unsur yang sangat penting pula adalah kemampuan mengelola diri dan unsur penting adalah melibatkan komitmen dan kebertanggungjawaban. Pelajar masalah pendengaran memerlukan arahan secara eksplisit tentang bagaimana untuk menggunakan kemahiran diri secara bersesuaian dalam konteks pembelajaran kemahiran tingkah laku yang merupakan faktor kritikal pada masa hadapan sebagai individu dewasa (Carter et al. 2006). Selain itu, individu masalah pendengaran juga disarankan untuk mencari alternatif bagi meningkatkan kemahiran berfikir iaitu keupayaan melihat benda dengan mata fikiran serta kemahiran membuat keputusan (Foster 1992; Rydberg 2010). Ini kerana dapatan kajian menunjukkan individu masalah pendengaran cenderung dengan pekerjaan yang bersifat rutin dan sebarang perubahan dalam jadual kerja akan mengganggu proses kerja tersebut. Mereka juga dilihat kurang kreatif untuk menambah baik sistem dan rutin sedia ada (Detterman & Thomson 1997).


Unsur kedua adalah aspek yang paling penting adalah aspek kemahiran asas. Dapatan menunjukkan rata-rata individu masalah pendengaran lemah dalam kemahiran menulis dan membaca yang dipersetujui oleh pihak sekolah dan pihak luar sekolah (Dew 1999; Dotter

et al. 2006; Houston et al. 2010; Luckner 2002). Komunikasi di tempat kerja lebih banyak menggunakan pen dan kertas. Oleh yang demikian, penekanan perlu di peringkat awal lagi. Setiap pelajar perlu dibekalkan buku nota kecil dan pen untuk membolehkan dia mencatat maklumat, menyampaikan mesej dan memberi kemudahan kepada masyarakat tipikal untuk menyampaikan mesej. Usaha ini selari dengan ayat yang pertama dalam al-Quran yang telah diturunkan jelas menunjukkan segalanya bermula dengan amalan bacaan. Firman Allah yang bermaksud :

“Bacalah (Wahai Muhammad) Dengan nama Tuhanmu Yang menciptakan (sekalian makhluk), Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku. Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah, Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan, Ia mengajarkan manusia apa Yang tidak diketahuinya”. (al-Alaq:1-5).

Oleh yang demikian, peri pentingnya dalam sistem pendidikan menekankan kepada kebolehan membaca. Unsur yang dilihat mantap dalam sistem pendidikan sedia ada adalah kemahiran pekerjaan yang melibatkan kemahiran interpersonal, kemahiran sumber, dan kemahiran informasional. Dan unsur terakhir yang penting adalah kemahiran teknikal, iaitu penting untuk mengukuhkan sistem latihan yang sedia ada. Dapatan terbukti menunjukkan individu masalah pendengaran mahir dalam pekerjaan dan latihan yang di terima di sekolah yang menunjukkan sistem latihan sedia ada boleh terus dimantapkan agar individu masalah pendengaran yang keluar dari sistem persekolahan bukan sahaja mahir dari segi kemahiran tetapi juga mahir dari aspek sosial dan emosi.

Pencapaian kemahiran-kemahiran tersebut merupakan satu cabaran kepada individu berkeperluan khas khususnya individu masalah pendengaran Walau bagaimanapun, permintaan terhadap kemahiran keboleherjaan semakin meningkat. Oleh yang demikian, penyediaan latihan kerjaya yang selaras dengan keperluan pasaran sangat diperlukan supaya individu berkeperluan khas dapat berfungsi sama seperti individu tipikal mengikut keupayaan dan kebolehan mereka (Blackmon 2008). Rajah 3 menunjukkan implikasi kemahiran keboleherjaan individu masalah pendengaran terhadap program pendidikan berdasarkan peneringkatan dari aspek yang paling penting, sangat penting dan penting untuk dilaksanakan dalam program pendidikan khas masalah pendengaran.



Rajah 3 Rumusan dapatan Kemahiran keboleherkerjaan individu masalah pendengaran

KESIMPULAN DAN CADANGAN


Bekerja merupakan satu kegiatan manusia yang disuruh dan sangat-sangat dituntut oleh agama Islam. Di dalam Al-Quran terdapat banyak sekali ayat yang menyuruh manusia bekerja, kerana kerja merupakan sumber rezeki untuk menanggung diri sendiri, kaum keluarga dan membantu orang lain, Terjemahan Surah At-Taubah, ayat 105 mengatakan:

"Dan katakanlah (wahai Muhammad); Bekerjalah kamu maka Allah dan RasulNya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan dan kamu akan dikembalikan kepada Allah yang mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian ia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan".

Untuk mendapatkan pengetahuan dan kemahiran sesuatu pekerjaan latihan yang dijalankan sebagai program pendidikan seperti program transisi kerjaya merupakan pemangkin ke arah merealisasikan hasrat tersebut selari dengan falsafah pendidikan. Di samping itu, peranan pihak pembuat dasar menghakis ciri-ciri diskriminasi merupakan satu langkah yang amat penting memajukan individu masalah pendengaran ke arah modal insan yang cemerlang yang bersama-sama masyarakat tipikal membangunkan negara. Pelaksanaan transisi kerjaya dilihat sebagai satu mekanisma untuk merangsang kepada sesuatu pencapaian, membina kerjasama dengan sekolah dalam komuniti setempat dan menggalakan penyertaan sosial. Merealisasikan peluang pendidikan, mengubah persepsi masyarakat untuk peluang pekerjaan dan mengaktifkan kolaborasi secara tidak langsung akan dapat membangunkan

potensi dan kecemerlangan modal insan dalam kalangan individu masalah pendengaran. Walau bagaimana pun peluang, ruang dan pendidikan untuk golongan masalah

pendengaran, golongan masalah pendengaran itu sendiri perlu berubah untuk lebih bersifat terbuka bersama-sama masyarakat tipikal membangunkan negara.



Rajah 3: Implikasi program pendidikan terhadap kemahiran keboleherjaan individu masalah

RUJUKAN

- Blackmon, D. 2008. Transition to Adult Living: An Information and Resource Guide. California Services for Technical Assistance and Training (CalSTAT California Department of Education.
- Carter, E.W., Lane, K.L., Pierson, M. & Glaeser, B. 2006. Self-determination skills of transition-age youth with emotional disturbances and learning disabilities. *Exceptional Children* 72: 333-346.
- Cynthia Kho Mei Ying. 2008. Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Penyertaan Tuisyen Berbayar Di Taman Universiti, Skudai, Johor. Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia.
- Collura, J. 2010. Best Practices for Youth Employment Programmes. http://whatworks.uwex.edu/attachment/whatworks_09.pdf. [7 March 2012].
- Crowe, T.V. 2003. Self-esteem scores among deaf college students: An examination of gender and parents' hearing status and signing ability. *Journal of Deaf Studies and Deaf Education* 8: 199-206.
- DeCaro, J.J., Mudgett-DeCaro, P.A. & Dowaliby, F. 2001. Attitudes toward occupation for deaf youth in Sweden. *American Annals of the Deaf* 146: 51-59.
- Detterman, D.K. & Thompson, L.A. 1997. IQ, schooling, and developmental disabilities: What's so special about special education? *American Psychologist* 52: 1082-1091.
- Dotter, F., Hopfgartner, A., Krammer, K., Kulterer, C. & Skant, A. 2006. Survey of the current situation of the vocational training of the deaf in the countries of the European Union
- Hairunnaja Najmuddin. 2003. Membimbing Remaja Memilih Pendidikan & Kerjaya. Pahang: PTS Professional Publishing.
- Halton Social Planning Council 2002. Feasibility Study. A United Way Member Agency.

- Hallam, S., Rhamie, J. & Shaw, J. 2006. Evaluation of the Primary Behaviour and Attendance Pilot www.dcsf.gov.uk/research/data/uploadfiles/RR717.pdf [20 January 2010].
- Hindley, P. & Kitson, N. 2000. Mental health and deafness. London: Whurr.
- Houston, H. Bruce, L. & Svorny, S. 2010. Perceptions of the effect of public policy on employment opportunities for individuals who are deaf or hard of hearing. *Journal of Disability Policy Studies* 21(1): 9–21.
- Johnson, T. & Fendrich, M. 2002, "A Validation of the Crowne-Marlowe Social Desirability Scale," Paper Presented at the American Association for Public Opinion Research, St Petersburg, FL
- Lee S.H., Wehmeyer, M.L., Palmer, S.B., Soukup J.H. & Little T.D. 2011. Self-determination and access to the general education curriculum. *Journal of Special Education* 42(2): 91- 107
- Leigh, G. 1989. Curriculum considerations. In Beattie, R. (pnyt.) *Ethics in Deaf Education*, hlm. 143-162. San Diego, CA: Academic Press.
- Loo, R. 2004. Relationship between attitudes toward euthanasia and attitudes toward people with disabilities. *The Social Science Journal* 41(2): 295–299.
- Luft, P. 2012. A national survey of transition services for deaf and hard of hearing students. *Career Development and Transition for Exceptional Individuals* 20(10): 1-18.
- Madinah Mohd Yusof, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Siti Hawa Hashim & Mahidin Awang Itam. 2012. Transition programme and barriers to participating in the employment sector among hearing impaired students in Malaysia. *Procedia Social and Behavioral Sciences* 47: 1793 – 1801.
- Marsden, S., Beardwell, C., Shaw, J., Wright, M., Green, N. & McCurry B. 2003. The development of case studies that demonstrate the business benefit of effective management of occupational health. HSE.
- Merriam, S.B. 2001. Qualitative research and case study applications in education: revised and expanded from case study research in education. San Francisco: Josey-Bass Publishers.
- Mohd Hanafi Mohd Yasin, Safani Bari, Mohd Mokhtar Tahar & Hasnah Toran. 2012. Keberkesanan kurikulum vokasional pendidikan khas dalam membantu pengurusan kerjaya pelajar pekak lepasan sekolah. Prosiding Seminar Hasil Penyelidikan Kementerian Pengajian Tinggi, Sains Sosial dan Kemanusiaan, hlm. 423- 435.
- Mohd Salehuddin Mohd Zahari, Norhayati Mat Yusoff, Mohd Raziff Jamaluddin Salleh Mohd Radzi & Zulhan Othman. 2010. The Employability of the Hearing Impaired Graduates in Malaysia Hospitality Industry. *World Applied Sciences Journal* 10: 126-135.
- Mohamad Sattar Rasul, Md Yusof Ismail, Napsiah Ismail, Rashid Rajuddin & Roseamnah Abd. Rauf. 2009. Aspek kemahiran 'employability' yang dikehendaki majikan industri pembuatan masa kini. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(2): 67 – 79.
- Ramlee Mustapha & Ramziah Husin. 2002. Perancangan pendidikan untuk pembangunan sumber manusia dalam era globalisasi dan ekonomi. *Jurnal Teknologi* 37: 47–56.
- Rusch, F.R., Hughes, C., Agran, M., Martin, J.E., & Johnson, J.R. 2009. Toward self-directed learning, post-high school placement, and coordinated support constructing new transition bridges to adult life. *Career Development for Exceptional Individuals* 32: 53-59.
- Rydberg, E. 2010. Deaf People And The Labour Market In Sweden. Education – Employment – Economy. Publisher: Orebro University.
- Safani Bari, Salleh Amat & Nor Aisyah Buang. 2000. Halangan dan masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar berkeperluan khas dalam latihan kemahiran teknik dan vokasional. Prosiding Seminar Kebangsaan Kepelbagaian Pelajar: Cabaran dan Strategi Pengajaran. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sarimah Ismail, Norshahril Abdul Hamid & Rohana Hamzah. 2012. Halangan Orang Kurang Upaya (Pendengaran) Di Malaysia Mendapat Pekerjaan. Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA. Johor Bharu. 2012: 7 – 9 Oktober 2012.
- Secretary's Commission on Achieving Necessary Skill (SCANS). 1991. Skills and Task for Jobs. A SCANS Report for America 2000. Washington, D.C. U.S. Department of Labour.
- Terjemahan Surah Al-Alaq:1-5. Sheikh Abdullah Basmeih. 2000. Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Terjemahan Surah At-Taubah: 105. Sheikh Abdullah Basmeih. 2000. Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- The Canadian Hearing Society. 2002. The Canadian Hearing Society Position Paper on Accessibility and Accommodation.
- Tuan Rosnimawati & Sern. 2012. Dapatan Kajian Rintis: Penguasaan Kemahiran Insaniah Dalam Kalangan Pelajar Pendidikan Khas Di Politeknik. Prosiding Seminar Pendidikan Pasca Ijazah dalam PTV Kali Ke-2 hlm. 261-266.
- Wagner, M., Newman, L., Cameto, R., Levine, P., & Garza, N. 2005. An Overview of findings from Wave 2 of the National Longitudinal Transition Study-2 (NLTS2). (NCSE 2006–3004). Menlo Park, CA: SRI International.
- Weisel, A. & Cinamon, R.G. 2005. Hearing, deaf, and hard-of-hearing Israeli adolescents' evaluations of deaf men and deaf women's occupational

- competence. *Journal of Deaf Studies and Deaf Education* 10(4): 376-389.
- Wiersma, W. 2000. *Research Method in Education*. Ed. ke-7. Boston. Allyn & Bacon
- Yahya Buntat. 2008. Model Penerapan Kemahiran Employability IPTA Berkonsepkan PBM. <http://www.eprints.utm.my> [12 Jun 2010].

